

Headline	Cemerlang demi kemajuan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	06 Jun 2013	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	TEMPATAN	Color	Full Color
Page No	1,2	ArticleSize	492 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 1,836	PR Value	RM 5,508



# Cemerlang demi kemajuan

.....  
JUMIET NYIREK

KUCHING, Rabu — Negara perlu mencapai kecemerlangan setiap organisasi awam dan swasta dalam semua sektor sekiranya mahu memenuhi aspirasi menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Ketua Menteri Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud berkata kecemerlangan yang dicapai sesebuah organisasi membuktikan ia adalah unggul dan mampan kerana ia merujuk kepada hasil diperoleh.

“Setiap organisasi mempunyai kumpulan individu yang berkepentingan di sekitarnya akibat kesan perkhidmatan atau produk ke atas mereka secara langsung mahupun

tidak langsung,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa majlis Ucaptama dan Perasmian Seminar Pengurusan Organisasi Cemerlang anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM) malam tadi.

Teks ucapan beliau dibaca Menteri Pelancongan merangkap Menteri Perumahan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Haji Openg.

Menurut beliau terdapat tiga nilai asas yang perlu dihayati dan diamalkan oleh semua pekerja dalam usaha untuk mewujudkan organisasi atau negara yang berprestasi tinggi dan cemerlang iaitu integriti, prestasi kerja yang berkualiti dan berilmu

pengetahuan.

Beliau berkata integriti perlu dilihat dan dihayati dalam konteks yang lebih luas kerana ia bukan sahaja bermakna menjauhkan diri dari amalan-amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

“Konsep integriti juga membawa maksud kepada nilai-nilai amanah, boleh dipercayai, jujur, taat dan mempunyai sifat-sifat keperibadian yang teguh, sentiasa menghargai serta memelihara kepentingan organisasi juga orang awam,” katanya.

■ SILA LIHAT MUKA 2

Headline	Cemerlang demi kemajuan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	06 Jun 2013	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	TEMPATAN	Color	Full Color
Page No	1,2	ArticleSize	492 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 1,836	PR Value	RM 5,508

# Cemerlang demi kemajuan

## DARI MUKA 1

Pehin Sri Taib berkata, anggota organisasi atau negara yang berintegriti

sentiasa berpegang kepada konsep kejujuran dan ia bermakna mereka perlu jujur dalam menjalankan tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan.

Dalam hubungan ini, kata beliau seorang pekerja hendaklah sentiasa berwaspada dan cermat

dalam menjalankan tugas serta tanggungjawab juga sedar akan akibat buruk yang menimpa sekiranya dia cuai atau gagal melaksanakannya dengan baik.

Selain itu, beliau juga berkata dalam memperkasakan organisasi prestasi kerja yang berkualiti adalah menjadi keutamaan dengan menyempurna dan melaksanakannya dalam tempoh singkat.

Beliau berkata inovasi dan kreativiti yang berkualiti juga merupakan tambah nilai

penting dalam menjayakan transformasi dan anggota organisasi perlu mencari jalan untuk melaksanakannya secara lebih berkesan.

Di samping itu, kata beliau lagi produktiviti dan kualiti adalah dua faktor yang menentukan daya saing dan pencapaian kedua-duanya mampu menghapuskan pembaziran dalam proses penghasilan perkhidmatan.

Pehin Sri Taib juga berkata, seorang pekerja yang berperibadi ulung sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan dan ia boleh dicapai melalui pembacaan, melihat, mendengar, memerhati, bertukar fikiran dan sebagainya.

Ilmu pengetahuan akan menjadi lebih bernilai sekiranya diamal dan dimanfaatkan sebaiknya kepada masyarakat malahan mereka yang berilmu akan dipandang tinggi, katanya.

Beliau berkata seseorang pekerja yang berilmu pengetahuan akan menyumbang kepada keberkesanan, kecekapan organisasi dan peningkatan prestasi sesebuah organisasi itu.

*“Konsep integriti juga membawa maksud kepada nilai-nilai amanah, boleh dipercayai, jujur, taat dan mempunyai sifat-sifat kepribadian yang teguh, sentiasa menghargai serta memelihara kepentingan organisasi juga orang awam.”*

PEHIN SRI HAJI  
ABUL TAIB MAHMUD  
Ketua Menteri Sarawak



**TERBARU ...** Datuk Amar Abang Johari yang mewakili Ketua Menteri melancarkan buku Seminar Pengurusan Organisasi Cemerlang "Merealisasikan Aspirasi Negara" sambil disaksikan oleh Prof Dato' Dr Mohamed Mustafa Ishak dan tetamu kehormat lain semasa majlis Ucapnama dan Perasmian Seminar Pengurusan Organisasi Cemerlang anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM) di Kuching malam semalam. • RAMIDI SUBARI